



KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

15 Jun 2020

PNB Umum Peletakan Jawatan

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Encik Jalil Rasheed

Kuala Lumpur, 15 Jun 2020 – Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan bahawa mereka telah menerima peletakan jawatan Encik Jalil Rasheed daripada jawatan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE), berkuat kuasa hari ini.

Lembaga Pengarah dan Kumpulan Kepimpinan PNB menyampaikan penghargaan mereka kepada Encik Jalil atas kepimpinan dan sumbangan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau bersama PNB. PNB mengucapkan selamat maju jaya kepada Encik Jalil dalam semua usaha di masa hadapan.

Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelantikan pengganti bagi jawatan tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah menerima kelulusan daripada pihak kawal selia.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad